



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN SEPTEMBER PERINGKAT
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2023**

21 SEPTEMBER 2023 | KHAMIS

8.30 PAGI | LOBI MENARA MPS

Terima kasih pengacara majlis.

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera, Salam Selayangku

Sayang dan Salam Malaysia MADANI.

Yang Berusaha Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri

Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,
Majlis Perbandaran Selayang**

Para pengarah jabatan, Pegawai-pegawai, tuan-tuan, puan-puan
warga MPS yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, pertama dan terutamanya marilah sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama untuk berhimpun di hari yang cukup bermakna ini dalam Majlis Perhimpunan Bulan September Peringkat Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2023.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir bagi memeriahkan lagi perhimpunan kita pada pagi ini. Segala kerjasama daripada warga MPS amatlah saya hargai.

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

PELANCARAN PORTAL MY-ESIM

3. Dalam usaha untuk mengurangkan tunggakan hasil, MPS telah mengadakan sekatan ke atas rangkaian Sistem Integrasi Majlis dengan mewujudkan satu portal semakan bil-bil di MPS melalui portal MY-ESIM mulai 1 Mac 2022. Setiap Jabatan dikehendaki menggunakan portal MY-ESIM tersebut bagi menyemak tunggakan hasil di MPS sebelum memproses setiap permohonan yang diterima di jabatan.
4. Untuk makluman, kutipan yang diterima hasil semakan melalui portal MY-ESIM dari **1 Mac 2022** hingga **31 Ogos**

2023 adalah sebanyak **RM25.23 juta** dari keseluruhan jumlah tunggakan sewaktu carian sebanyak **RM89.74 juta**.

5. Bagi memudahkan semakan orang awam, MPS juga telah membuka portal MY-ESIM ini kepada orang awam untuk semakan sendiri bermula 15 Julai 2023. Untuk makluman, sejak dibuka kepada orang awam, sehingga 19 September 2023, seramai 23 pemilik yang telah menggunakan portal MY-ESIM untuk tujuan pembayaran dengan jumlah kutipan sebanyak **RM29,078.80**.
6. Tahniah kepada Jabatan Perbendaharaan MPS atas inisiatif baharu yang saya pasti akan menaikkan imej MPS seterusnya memberi impak yang positif kepada MPS sendiri.

SUKAN KOMUNITI SELAYANG (SUKOMSEL)

7. Seterusnya, saya ingin memaklumkan Karnival Sukan Komuniti Selayang (SUKOMSEL) akan diadakan pada 7 dan 8 Oktober 2023 setelah dua tahun tidak diadakan akibat pandemik yang melanda negara kita. SUKOMSEL merupakan program berbentuk pertandingan sukan yang melibatkan 24 Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPS di mana setiap zon JKP akan menghantar satu pasukan bagi setiap acara sukan yang dipertandingkan. Ini merupakan penganjuran kali ke-6 oleh MPS bersempena Sambutan Hari Sukan Negara.

8. Antara sukan yang akan dipertandingkan pada SUKOMSEL ini adalah Futsal, Bola Jaring, Badminton dan Tenpin Boling. Saya berharap SUKOMSEL ini akan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada setiap zon JKP dan kita dapat melahirkan pemain-pemain yang berkebolehan atau bakat-bakat baharu bagi pelapis untuk mewakili Daerah Gombak mahupun Negeri Selangor ke pertandingan-pertandingan sukan yang diadakan pada masa akan datang.

TAHNIAH PASUKAN PING PONG DAN GOLF MPS BAGI SUKANUN KALI-KE 12

9. Saya ingin memanjangkan rasa bangga saya terhadap pasukan ping pong dan golf yang telah dinobatkan sebagai Johan dan Naib Johan bagi kedua-kedua kategori sukan yang dipertandingkan di SUKANUN kali ke-12 di UiTM Arau Perlis pada 3 hingga 10 September yang lalu.

10. Hasil usaha dan kerjasama berpasukan anda semua akhirnya telah membuahkan hasil yang setimpal. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah saya ucapkan kepada para atlet yang telah mengharumkan nama MPS. Anda semua memang terbaik.

PERTANDINGAN NYANYIAN LAGU ASLI

11. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Encik Syahid bin Jaafar dari Jabatan Khidmat Pengurusan yang telah dinobatkan sebagai Naib Johan bagi Kategori Lelaki dan Puan Norhasliza binti Hassan dari Jabatan Korporat yang telah mendapat tempat keempat bagi Kategori Wanita Pertandingan Nyanyian Lagu Asli Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Kerajaan Negeri Selangor 2023 pada 16 September yang lalu di Da Men Mall, USJ, Subang Jaya.
12. Syabas dan tahniah kerana telah melakukan persembahan dan nyanyian yang menambat hati juri.

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG SEMPENA HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA

13. Alhamdulillah, kita baru sahaja menyambut Hari Kebangsaan kali ke-66 dan Hari Malaysia yang ke-60 pada 31 Ogos dan 16 September yang lepas. Di peringkat MPS sendiri, pelbagai aktiviti telah dianjurkan antaranya Pertandingan Menghias Jabatan.
14. Saya dimaklumkan semua kakitangan sangat bersemangat untuk menghasilkan kepelbagaian hiasan mengikut kreativiti masing-masing. Pelbagai maklum balas saya terima, antaranya ada Jabatan yang membuat

persembahan silat, nyanyian dan ada juga yang bersajak. Pelbagai replika bangunan-bangunan kerajaan juga dapat dilihat di jabatan masing-masing.

15. Saya pasti semua tidak sabar untuk mengetahui jabatan manakah yang akan menjadi johan, saya sendiri tidak tahu dan namun saya mengucapkan tahniah kepada semua atas komitmen yang ditunjukkan. Jujur saya amat berbangga dengan semangat patriotik yang ditunjukkan oleh setiap jabatan. Walaupun akan ada yang kalah, namun anda semua adalah pemenang di hati saya.
16. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Sulaiman bin Abu Samah, Tuan U Chin Ong, Tuan Wan Anwar bin Wan Ibrahim yang sudi meluangkan masa menjadi panel juri bagi pertandingan ini.

TAHNIAH URUS SETIA KARNIVAL EKSTREM GUA DAMAI

17. Baru-baru ini kita telah pun selesai dengan Karnival Ekstrem Gua Damai yang berlangsung selama dua hari pada 16 dan 17 September yang lalu di Taman Ekstrem Gua Damai. Saya amat berbangga dengan kehadiran seramai lebih 4,000 pengunjung pada karnival tersebut. Walaupun dengan cuaca yang tidak menentu, saya dapat lihat urus setia tetap bersemangat dan memberikan komitmen bagi memastikan karnival tetap berjalan meriah dan lancar.

18. Saya berharap Karnival Ekstrem Gua Damai dan kawasan itu sendiri menjadi kawasan yang ikonik buat para penggemar sukan ekstrem. Diharapkan juga, pada masa akan datang lebih banyak sukan ekstrem akan diadakan di karnival itu dan menarik lebih banyak pengunjung untuk hadir dan merasakan sendiri pengalaman sukan esktrek seperti *rock climbing, abseiling* dan sebagainya.

YDH Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

SELAMAT MENYAMBUT MAULIDUR RASUL

19. Kelahiran dan perutusan Baginda Nabi Muhammad SAW merupakan satu nikmat dan rahmat kepada seluruh alam. Hal ini telah dinyatakan oleh Allah SWT, di dalam Surah Al-Anbiyak ayat 107 :

لَا أَعْلَمُ مِ رَحْمَةِ الْإِلَهِ إِلَّا رِسَالُكَ وَمَا

Maksudnya: “ Dan tidaklah kami utuskan Engkau (Muhammad) melainkan sebagai rahmat ke seluruh alam”

20. Kita selaku umat Nabi Muhammad SAW, wajar untuk sentiasa mengenang perjuangan Baginda Rasulullah SAW dalam menyebarkan dakwah Islam. Hasil perjuangan dakwah Baginda Rasulullah SAW dan pengorbanan

sahabat-sahabat Baginda, maka kita dapat mengecapi nikmat iman dan islam pada hari ini.

21. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur Rasul kepada seluruh umat Islam. Sama-sama kita berselawat ke atas Baginda dan mengamalkan sifat terpuji Baginda dalam kehidupan seharian demi keredaan Allah SWT.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.